

Sejarah Tupperware®



PENCIPTA DAN PENGASAS:
Earl Tupper



1946

Peniaga dan pencipta dari Amerika Syarikat, Encik Earl Tupper, mengasaskan jenama Tupperware. Jenama itu memperkenalkan bekas plastik yang ikonik, yang memanfaatkan bahan plastik baru untuk memastikan makanan disimpan segar lebih lama. Ini merupakan ciptaan cukup berharga kerana peti sejuk masih dianggap mahal dan belum lagi dimampui ramai.

Produk Tupperware diagihkan di hampir 70 negara, sebahagian besarnya melalui wakil bebas di seluruh dunia.

1960-an

Tupperware diperkenalkan di Singapura pada 1960-an dan dijual melalui penjualan secara langsung.

'Parti Tupperware' menjadi satu kegiatan popular yang dihoskan oleh mak cik dan kakak-kakak di sini. Walaupun ia satu kegiatan sosial, ia sebenarnya memberi ruang kepada golongan wanita tersebut menjalankan perniagaan yang maju dari rumah.

Mac 1999

Tupperware mendedahkan rancangan untuk mula menjual produknya dalam talian. Ia juga mahu menambahkan penjualan kiosnya di pusat beli-belah - satu eksperimen yang terbukti berjaya pada lewat tahun sebelumnya.

Februari 2014

Tupperware membuka Pusat Rekaan Sejahtera bagi Asia yang pertama. Terletak di Great World City di Kim Seng Road, ia antara tiga pusat rekaan sejahteranya di dunia. Yang lagi dua terletak di Orlando, Florida dan Brussels, Belgium.

April 2023

Tupperware memberi amaran perniagaannya mungkin boleh lingkup, dengan sahamnya menjunam hampir 50 peratus - kejatuhan terbesar dalam sejarah - hingga mencapai tahap terendah sepanjang masa.

Bagaimanapun, penjual Tupperware di Singapura berkata berita itu tidak menjejaskan perniagaan mereka di sini. Menurut laporan The Straits Times, kebanyakan daripada sembilan pengedar Tupperware di sini rasa yakin perniagaan mereka akan terus berjalan seperti biasa kerana penjualan baik setakat ini.



PUSAT REKAAN SEJAGAT: Jan-Hendrik de Groot, naib presiden Tupperware membuka Pusat Rekaan Sejahtera di Great World City di Kim Seng Road.



SUDAH 29 TAHUN: Cik Ruhaida Amin telah menjadi pengedar Tupperware sejak 29 tahun lalu.